

→ PENDIDIKAN

[FOTO JEAQLEYN YACHO/BH]



UNIT RUJUKAN DAN DOKUMENTAS
DITERIMA
11 NOV 2016
U.R.D
M.B.P.J

**Aspek
kemenjadian
murid dalam
SKPM amat
ditekankan**
kerana ia adalah
asas bagi
menentukan sama
ada murid itu,
berjaya atau tidak.

Kualiti pendidikan terus diperkemas

→ SKPM bagi tahun 2017 akan pastikan standard capai tahap tertinggi

Oleh Nur Fatin Mohd Satar
bhnews@bh.com.my

► Putrajaya

Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) gelombang kedua bagi tahun 2017 menjanjikan kualiti sekolah ke tahap tertinggi sekali gus meletakkan semua sekolah pada band teratas.

SKPM sentiasa diperbaharui, yang mana bagi tahun 2017 adalah versi keempat selepas melalui beberapa revolusi sejak pertama kali dikeluarkan pada tahun 2001.

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Pembangunan Profesionalisme Keguruan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Dr Amin Senin, berkata SKPM ini adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

"Ia menekankan kepada tinda-

kan yang berkualiti bagi mencapai standard serta peranan Pengetua dan Guru Besar sebagai peneraju sekolah dan guru dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) abad 21 yang berpusatkan murid.

"Pada tahun hadapan penilaian bagi menentukan band sekolah akan sepenuhnya menggunakan SKPM berbanding tahun sebelum iaitu hanya 30 peratus menggunakan SKPM dan 70 peratus akademik. Ia bagi menggantikan penggunaan Skor Komposit.

Sinonim semua peringkat

"SKPM sememangnya sudah sinonim pada semua peringkat sekolah dan institusi seperti guru, pihak pengurusan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), namun pelaksanaan pada tahun hadapan berbeza berbanding sebelum," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Amin berkata, SKPM adalah salah satu alat pengurusan untuk membantu pihak sekolah juga pada peringkat kementerian bagi meningkatkan kualiti pendidikan, selain pengurusan untuk berada pada tahap terbaik.

"Kita sentiasa fikir untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam negara seiring perubahan zaman, oleh sebab itu standard kua-

liti pendidikan di sekolah tidak hanya menumpukan kepada satu aspek sahaja seperti peperiksaan, namun ia melihat kepada pembangunan sekolah secara holistik.

"Pembangunan ditekankan pada peringkat sekolah dalam SKPM ini adalah seperti aspek kepimpinan, pengurusan organisasi, pengurusan Kurikulum, Kokurikulum dan Hal Ehwal Murid, Pembelajaran dan Pemudahcaraan serta kemenjadian murid," katanya.

Beliau berkata, aspek kemenjadian murid dalam SKPM amat ditekankan kerana ia adalah asas bagi menentukan sama ada murid itu berjaya atau tidak.

"Jika dahulu SKPM juga berbentuk holistik, namun yang menjadi perbezaan kini apabila item yang digunakan dalam instrumen ini, penilaiannya lebih khusus, yang mana tindakan untuk mencapai standard itu perlu dinyatakan secara jelas dan ada bukti.

Kenal pasti kekuatan

"Tujuan utama pelaksanaan ini juga adalah untuk membantu pihak sekolah mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sekolah berdasarkan instrumen berkenaan, sekali gus mereka boleh atasi untuk tingkatan kualiti sekolah masing-masing.

"Pada kali ini, pemantauan di-



SKPM ini juga berbeza kerana ia tidak menilai hanya sekelompok kecil pada peringkat sekolah, tetapi membabitkan semua guru termasuk anggota kakitangan sokongan"

Datuk Dr Amin Senin,
Timbalan Ketua Pengarah
Pelajaran Malaysia Pembangunan
Profesionalisme Keguruan,
Kementerian Pendidikan Malaysia

lakukan oleh PPD atau JPN kepada pihak sekolah yang lebih menumpukan kepada pantauan dan sokongan. Pihak atasan akan bimbing sekolah menggunakan SKPM gelombang kedua ini, tidak seperti SKPM terdahulu yang mana PPD atau JPN akan menilai dan meletakkan band sekolah berada pada tahap berapa," katanya.

Laksana program perpaduan

Beliau berkata, SKPM pada tahun 2017 ini turut diletakkan program pembangunan perpaduan, malah sekolah mesti melaksanakan program perpaduan pada peringkat sekolah sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang meletakkan perpaduan perkara utama yang harus dicapai.

"SKPM ini juga berbeza kerana ia tidak menilai hanya sekelompok kecil pada peringkat sekolah, tetapi membabitkan semua guru termasuk anggota kakitangan sokongan.

"Secara keseluruhannya guru dan warga sekolah itu mempunyai suara untuk menentukan instrumen ini diisi. Jika dahulu standard kualiti sekolah hanya dibuat setahun sekali namun kali ini mereka perlu laksanakan tiga kali setahun. Ia bagi meningkatkan kualiti sekolah secara berperingkat serta meletakkan semua sekolah pada band teratas," katanya.